

Headline	Krisis politik berpanjangan jejaskan ekonomi Thailand		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	474 cm ²
AdValue	RM 15,986	PR Value	RM 47,958



Komentor

BANGKOK LUMPUH

Krisis politik berpanjangan jejaskan ekonomi Thailand

» Kemungkinan rampasan kuasa tentera hanya menakutkan pelabur

Semalam berlaku tunjuk perasaan besar-besaran di Bangkok yang mana penunjuk perasaan berusaha untuk menutup jalan utama, seterusnya cuba melumpuhkan bandaraya itu secara keseluruhannya.

Ia adalah lanjutan daripada krisis politik yang bermula lebih dua bulan lalu. Pihak pembangkang baju kuning yang pro-parti Demokrat berkampung di kawasan Bangkok lama berdekatan Universiti Thammasat, menuntut rejim parti Pheu Thai ditumbangkan melalui apa cara sekalipun.

Tindakan semalam juga adalah lanjutan daripada usaha pihak pembangkang untuk membatalkan pilihan raya umum yang dijangka akan diadakan pada 2 Februari 2014 ini.

Parti pimpinan Perdana Menteri Yingluck Shinawatra sebenarnya sukar untuk ditumbangkan melalui pilihan raya kerana majoriti rakyat Thailand yang miskin dan menetap di luar bandar khususnya di sebelah utara serta timur Thailand terus memberikan sokongan kuat kepada parti Pheu Thai pimpinan beliau.

Jika pilihan raya umum diadakan, sudah pasti parti Pheu Thai akan memperoleh mandat baru lebih besar kerana parti pembangkang terbesar iaitu Demokrat mengisytiharkan untuk memboikot pilihan raya umum dan akan mensabotaj proses penamaan calon yang akan diadakan.

Parti pembangkang kebanyakannya diwakili daripada kalangan golongan kelas menengah khususnya di Bangkok dan Selatan Thailand.

Sebagai reaksi kepada tunjuk perasaan pembangkang, gerakan baju merah yang pro-kerajaan merancang melakukan demonstrasi besar-besaran di Bangkok juga.

Jika berlakunya pertembungan antara kedua-dua gerakan baju kuning dan merah, tidak syak lagi krisis politik ini akan menjadi malapetaka politik yang menjejaskan bukan saja politik, tetapi juga sosio-ekonomi Thailand secara keseluruhannya.

Meskipun Suruhanjaya Pilihan Raya Thailand menetapkan pilihan raya umum akan diadakan pada 2 Februari ini, banyak pihak memintanya ditangguhkan atau dibatalkan termasuklah dalam kalangan lima ahli suruhanjaya itu.

Proses penamaan calon tidak dapat dilakukan dengan sempurna kerana berlakunya sabotaj di banyak pusat penamaan calon khususnya di Selatan Thailand.

Namun, pihak kerajaan terus dengan niatnya untuk mengadakan pilihan raya umum pada 2 Februari ini. Pilihan raya umum Thailand memerlukan rakyat memilih 500 wakil dewan rendah. Dikhabarkan ada lebih 50 parti politik mendaftarkan calon untuk bertanding dalam pilihan raya berkenaan.

Yang jelas, penunjuk

perasaan pimpinan Suthep Thaugsuban cuba menggagalkan proses demokrasi yang sememangnya tidak mampu beliau menangi. Jika usaha beliau untuk menutup Bangkok berhasil, maka kemungkinan Thailand akan lumpuh lantas menjejaskan sosio-ekonomi selain politik Thailand secara keseluruhannya.

Apakah senario yang boleh berlaku kesan daripada kegagalan demokrasi di Thailand ini? Ramai kini tidak menolak kemungkinan satu lagi rampasan tentera akan berlaku kerana kegagalan pimpinan rakyat menyelesaikan perbalahan antara mereka.

Semakin tidak stabil

Rakyat juga semakin bosan dengan kemelut yang wujud. Thailand pula dilihat semakin tidak stabil. Pengeboman yang berlaku di selatan Thailand baru-baru ini juga semakin mengesahkan pandangan umum yang kerajaan Thailand kini tidak dapat mengawal situasi politik negara 'gajah putih' yang kini kucar-kacir.

Memburukkan lagi keadaan ialah apabila Ketua Angkatan Tentera Thailand, Jeneral Prayuth Chan-ocha tidak menolak kemungkinan rampasan kuasa akan berlaku lagi seperti pada 2006 jika pemerintahan rakyat tidak stabil.

Sudah pasti, rampasan kuasa tentera jika berlaku akan memburukkan kedudukan ekonomi Thailand dan pelabur asing akan keluar

kerana pemerintahan tentera adalah tidak kondusif untuk ekonomi pasaran bebas.

Krisis politik semakin mencengkam ekonomi Thailand. Dilaporkan Pasaran Saham Thailand jatuh 8.5 peratus. Matawang baht juga jatuh berbanding dolar Amerika Syarikat dan ringgit.

Kementerian Kewangan Thailand juga menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara itu tahun ini kepada hanya empat peratus berbanding unjuran awalnya sebelum ini 5.1 peratus. Apa yang jelas ekonomi Thailand merasa kesannya daripada krisis politik yang berpanjangan ini.

Tiada cara untuk menyelesaikan masalah politik itu melainkan semua pihak duduk semeja dan mewujudkan kerajaan gabungan secara permuafakatan. Namun melihat kepada situasi semasa, kerajaan gabungan bukanlah pilihan terbaik untuk pihak yang bertelagah.

Apa yang pasti cara demonstrasi yang berlaku di Bangkok tidak harus dicontohi dan diikuti di Malaysia. Ini kerana ia bukan saja mampu meruntuhkan kerajaan, malah negara dan kehidupan rakyat secara keseluruhannya.

Kemakmuran rakyat akan terancam dengan cara tunjuk perasaan yang besar sebegitu dan boleh memecahbelahkan negara.

Penulis

Lalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa UUM

Headline	Krisis politik berpanjangan jejakkan ekonomi Thailand		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	474 cm ²
AdValue	RM 15,986	PR Value	RM 47,958



Penunjuk perasaan membuat **sekatan di sebatang jalan** di Bangkok.
[FOTO AFP]